

# Kerajaan kaji guru kumpulan A berpolitik

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Kerajaan bersetuju untuk mengkaji semula cadangan supaya sekatan ke atas guru-guru kumpulan A bergiat dalam politik ditarik balik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kajian itu akan dijalankan secara teliti memandangkan ia mungkin akan menyebabkan kakitangan kerajaan kumpulan A lain juga ingin berpolitik.

Bagaimanapun katanya, kajian itu tidak bermakna beliau bersetuju dengan cadangan itu tetapi ia harus dikaji berikutan kekurangan pemimpin di kawasan luar bandar.

“Kita akan kaji kemungkinan membenarkan guru-guru kumpulan A bergiat dalam politik kerana memang pun dulu guru memainkan peranan yang penting dalam bidang politik.

“Oleh kerana kerajaan mensyaratkan kumpulan A tidak boleh terlibat dalam politik, mere-

ka dilarang mengambil bahagian dalam politik, itu sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang hari ini selepas menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Casablanca, Maghribi dan melawat Croatia dua hari.

Katanya, walau pun kerajaan berpendapat profesionalisme dalam politik harus dipisahkan tetapi kajian itu terpaksa dijalankan memandangkan negara kekurangan pemimpin terutamanya di kawasan luar bandar.

Dr. Mahathir diminta mengulas cadangan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat lalu yang mahu Kementerian Pendidikan menarik balik sekatan ke atas guru-gred A yang mahu berpolitik.

■Lihat muka 2

## Kerajaan kaji guru kumpulan A berpolitik

Kata Najib, UMNO sebelum ini pernah membincangkan perkara itu dan bersetuju meminta Kementerian tersebut membenarkan guru kumpulan berkenaan menyertai politik kerana guru adalah asas dan sumber utama intelek orang Melayu yang perlu disalurkan untuk kebaikan rakyat negara ini.

Sementara itu, ketibaan Dr. Mahathir

disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Kehakiman, Datuk Syed Hamid Albar; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam.